



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/4/2014

Dr Mahathir ulas kenyataan Musa

BH-11/4/2014

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Tun Musa Hitam pernah mengakui bertanggungjawab terhadap tragedi Memali yang mengorbankan 18 nyawa, termasuk empat anggota polis pada 19 November 1985.

Dr Mahathir menjelaskan ketika kejadian, Musa memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab memutuskan tindakan yang harus diambil dalam menangani insiden berkenaan.

Katanya, sebagai individu yang mengetuai Kementerian Dalam Negeri, rundingan dan laporan oleh Ketua Polis Negara dibuat kepadanya.

Tanggungjawab menteri

“Sesuatu jawatan mempunyai tanggungjawab. Dari segi tindakan terhadap jenayah, tanggungjawab dipikul oleh anggota polis. Dari segi keputusan mengambil tindakan terhadap ancaman keselamatan negara yang besar, menteri bertanggungjawab sekurang-kurangnya merestui tindakan.

“Tun Musa akui beliau ber-

tanggungjawab. Saya tidak fikir Tun Musa meramalkan mengenai kehilangan nyawa yang akan berlaku hasil keputusan yang dibuat olehnya.

“Seperti yang disebut olehnya ketika menjawab usul Gooi Hock Seng, ‘adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan memastikan supaya keselamatan negara wujud pada setiap masa, demi kesejahteraan rakyat jelata dan kestabilan negara keseluruhannya. Sebab itulah kerajaan tidak akan berkompromi,’” katanya dalam entri terbaru menerusi blognya *chet.det*.

Baru-baru ini, Musa dilaporkan berkata, Dr Mahathir berada dalam negara ketika kejadian Memali dan beliau bukan memangku tugas Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah menyebarkan

perkara berkenaan, malah tidak pernah mencatatkan perkara itu dalam bukunya.

Berlepas ke China

Beliau juga berkata, pada 20 November 1985 iaitu sehari selepas tragedi, beliau mengetuai rombongan swasta yang berpotensi untuk meraih peluang dagangan dengan China yang baharu saja dibuat untuk penyertaan peniaga luar.

Namun, beliau tidak ingat sama ada Musa datang berjumpanya dan meminta supaya beliau tidak ke Beijing.

“Tetapi beliau (Musa) berada di lapangan terbang bersama orang ramai yang ingin mengucapkan selamat atas pemergian saya ke China. Pada waktu itu pun saya tidak ingat yang Tun Musa menasihatkan saya supaya tidak pergi luar negeri,” katanya.